

KEFUNGSIAN KELUARGA REMAJA PEREMPUAN TIDAK TERKAWAL: SUATU PENEROKAAN

Maznah Othman¹, Norulhuda Sarnon², & Ezarina Zakaria³

¹Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
mnmaznah@yahoo.com

²Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
norul@ukm.edu.my

³Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
ezaz@ukm.edu.my

ABSTRAK

Persekitaran keluarga yang banyak berubah kesan daripada pengaruh globalisasi dan kemajuan teknologi banyak memberi kesan dan cabaran dalam perkembangan diri remaja. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai salah satu agensi utama pemulihan atas masalah tingkah laku remaja banyak menerima rujukan daripada ibu bapa yang berhadapan masalah tidak terkawal setelah keluarga tidak lagi mampu menangani masalah anak mereka. Justeru, objektif kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes ini adalah bagi meninjau kefungsi keluarga remaja perempuan tidak terkawal. Pemilihan informan adalah secara bertujuan yang terdiri daripada remaja perempuan tidak terkawal, berbangsa Melayu, beragama Islam, tinggal bersama-sama keluarga dan berumur 13 hingga 18 tahun yang telah dirujuk ke JKM kerana pelbagai masalah tingkah laku. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua ciri ketidakfungsi keluarga remaja perempuan tidak terkawal iaitu (i) komunikasi keluarga tidak berkesan; dan (ii) kekurangan perhatian dan kasih sayang. Analisis kajian adalah dibuat secara manual dengan menggunakan kaedah thematic analysis. Kesimpulannya, hasil penerokaan mendapati elemen-elemen kefungsi keluarga adalah saling berkaitan dengan faktor risiko remaja perempuan menjadi tidak terkawal. Kajian turut menunjukkan remaja perempuan kini berhadapan dengan cabaran besar apabila mempunyai keluarga yang tidak berfungsi. Oleh yang demikian peranan pekerja sosial menjadi sangat kritikal bagi membantu remaja perempuan ke arah yang positif serta berupaya menangani masalah mereka sehingga dapat hidup dengan lebih sejahtera.

Kata kunci: Kefungsi keluarga; remaja perempuan; tingkah laku tidak terkawal; komunikasi keluarga; kasih sayang.

PENGENALAN

Isu tingkah laku tidak terkawal di kalangan remaja dibawah umur 18 tahun adalah antara masalah sosial yang berlaku di seluruh dunia (Siti Noor Fazariah & Zulkarnaen 2014). Hal ini wajar diberi perhatian yang utama oleh semua pihak termasuklah ibu bapa, masyarakat, kerajaan, swasta serta pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO). Pertambahan isu remaja tidak terkawal yang kian meningkat saban tahun menjadi ancaman besar kepada negara sekiranya tidak ditangani sebaiknya. Malahan remaja hari ini telah terlibat dengan pelbagai jenis jenayah seperti mencuri, merogol, menjual diri, membunuh, terlibat dalam pergaduhan dan samseng (Rozmi 2015).

Kajian-kajian mengenai permasalahan dan punca penglibatan remaja dalam isu tidak terkawal telah banyak dilakukan di dalam mahupun di luar negara. Antara dapatan kajian

terdahulu tentang masalah tingkah laku sosial remaja adalah dalaman diri remaja itu sendiri, kegagalan fungsi institusi kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, taraf pendidikan akademik ibu bapa yang rendah, kawalan keluarga yang lemah, penderaan dan pengabaian, pengaruh *media massa*, kepesatan pembangunan jaringan telekomunikasi serta pengaruh persekitaran di sekolah (Amran et al. 2014; Rozmi 2015, Sims & Preston 2006; Siti Noor Fazariah & Zulkarnaen 2014; serta Siegel & Welsh 2015).

PENYATAAN MASALAH

Keluarga adalah unit asas dalam kehidupan manusia yang menjadi faktor terpenting dalam membentuk emosi, psikologi, mental dan kognitif seseorang (Azlina & Suzila 2010; Sapora 2007). Ibu dan bapa memainkan peranan yang penting dalam mengharmonikan sesebuah keluarga dan menjadi tanggungjawab ibu bapa mendidik anak-anak menjadi manusia berguna. Ibu bapa bukan sahaja perlu berkomunikasi dengan anak-anak, meluangkan masa bersama, bahkan juga perlu menjadi pembimbing dan penyokong kuat kepada anak-anak di dalam setiap saat dan fasa kehidupan seseorang anak. Selain itu pengajaran ilmu pengetahuan adalah satu isu yang penting dan bermula dari semenjak anak lahir sehinggalah mereka menjejak alam dewasa.

Laporan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan terdapat pertambahan kes remaja yang terlibat dalam masalah tidak terkawal bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2016. Daripada jumlah keseluruhan remaja yang bermasalah tingkah laku tidak terkawal, peratusan remaja perempuan yang terlibat adalah jauh lebih tinggi berbanding remaja lelaki. Statistik menunjukkan, sebanyak 2,424 kes remaja perempuan tidak terkawal yang telah direkodkan berbanding 1,244 kes remaja lelaki (JKM 2016). Daripada statistik JKM juga, bilangan remaja yang hamil luar nikah dan mendapatkan pemulihan JKM pada tahun 2012 hingga 2016 adalah seramai 1,249 kes. Ini sejajar dengan dapatan Siti Hajar et al. (2017) bahawa masalah penglibatan remaja Malaysia dalam seks rambang dan hamil luar nikah adalah kritikal.

Isu yang sering melibatkan remaja perempuan biasanya berkaitan penglibatan mereka dalam hubungan seks, hamil luar nikah sehinggalah ke tahap pembuangan bayi akibat dari kelahiran secara rahsia dan berisiko. Dengan fenomena di Malaysia kini, bukan sesuatu yang luar biasa apabila remaja-remaja aktif melakukan hubungan seks lebih dari seorang pasangan (Nasrudin et al. 2012). Disebabkan remaja perempuan merupakan golongan yang mudah terdedah kepada bahaya moral dan tingkah laku, pelbagai usaha dan langkah telah diambil bagi membendung masalah dan isu sosial daripada terus menular. Sehubungan itu juga, banyak kajian yang dibuat khusus terhadap remaja perempuan (Nasrudin et al. 2012; Norulhuda et al. 2012; dan Khadijah et al. 2012). Telah banyak kajian-kajian terdahulu yang melibatkan remaja delinkuen yang terlibat dengan jenayah, informan di kalangan remaja lelaki serta remaja yang telah dimasukkan ke institusi-institusi pemulihan akhlak. Namun begitu, masih kurang kajian yang memfokuskan kepada remaja perempuan tidak terkawal dan dirujuk untuk pemulihan JKM. Malah hampir tiada kajian yang dibuat mengenai remaja perempuan tidak terkawal serta masih tinggal bersama keluarga.

Menurut Hussin (2005) remaja tidak terkawal boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu tingkah laku remaja yang di luar kawalan ibu bapa dan remaja yang terdedah kepada

bahaya moral seperti terlibat dalam pelacuran serta keintiman seksual. Dalam konteks kajian ini, yang dimaksudkan dengan remaja perempuan tidak terkawal ialah seseorang yang berusia di bawah 18 tahun, remaja yang di luar kawalan ibu bapa, remaja yang terdedah dengan bahaya moral atau bahaya jenayah serta remaja yang dirujuk untuk pemulihan oleh pekerja sosial JKM. Pegawai Akhlak pula adalah seorang pekerja sosial yang berkhidmat di JKM dan menjalankan perkhidmatan kerja sosial dengan kanak-kanak (remaja). Walau bagaimanapun bagi konteks kajian ini, remaja turut merujuk kepada definisi yang digunakan untuk mentafsirkan remaja sebagai kanak-kanak. Menurut Akta kanak-kanak 2001 pindaan 2016 (Akta 611), kanak-kanak adalah seseorang di bawah umur 18 tahun.

Peruntukan mengenai remaja tidak terkawal ada dinyatakan di dalam Seksyen 46, Akta Kanak-Kanak 2001 pindaan 2016 (Akta 611), apabila terdapat ibu bapa atau penjaga yang tidak lagi dapat mengawal anak-anak mereka kerana telah terlibat di dalam perlakuan tidak terkawal, Akta membolehkan ibu bapa atau penjaga remaja memohon secara bertulis kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) bagi menahan remaja tersebut untuk tujuan diberikan pemulihan. Mahkamah seterusnya boleh membenarkan remaja itu ditempatkan di mana-mana institusi pemulihan ataupun boleh diletakkan di bawah pengawasan seorang pekerja sosial JKM selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Setelah tamat tempoh pemulihan di institusi akhlak JKM ataupun sesuatu tempoh berada di bawah pengawasan seorang pekerja sosial JKM, remaja akan dikembalikan ke dalam jagaan keluarga kandung. Sekiranya keluarga masih dibelenggu dengan isu-isu ketidakfungsian dan kelemahan peranan oleh ahli-ahli di dalam keluarga, remaja akan sukar untuk pulih sepenuhnya, malahan boleh kembali terjebak dengan isu-isu sosial. Hal ini menunjukkan permasalahan yang sering timbul di dalam keluarga menjadi rentetan kepada isu tingkah laku tidak terkawal remaja hari ini. Walhal melalui institusi kekeluargaan, individu dapat disosialisasikan untuk menghadapi pelbagai cabaran dan masalah dalam kehidupan. Oleh itu timbul persoalan tentang bagaimana sebenarnya kefungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal. Justeru, isu-isu kefungsian keluarga inilah yang ingin diteroka memandangkan banyak hasil kajian lalu yang sering mengaitkan faktor kekeluargaan dengan gejala keruntuhan akhlak dan tingkah laku delinkuen remaja.

KEFUNGSIAN KELUARGA

Freud (1953) merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah atau pun mempunyai anak. Keluarga juga adalah unit asas dan permulaan dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Menurut Adi Fahrudin et al. (2014), elemen-elemen kefungsian keluarga adalah pelbagai dan ia termasuklah perpaduan, nilai-nilai yang diamalkan dalam keluarga, pola interaksi dan komunikasi yang positif serta kerampilan keluarga seperti mempunyai kemahiran berdaya tindak (*coping strategy*), bersikap positif dan berkemampuan menyusun serta merancang matlamat keluarga. Kefungsian keluarga merujuk kepada kualiti interaksi di dalam keluarga dan ia termasuklah daya tahan, perpaduan, adaptasi dan komunikasi (Olson et al. 1992). Menurut Wood et al. (1988) pula, kefungsian keluarga merujuk kepada amalan gaya keibubapaan, interaksi dan komunikasi, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan yang berlaku dalam keluarga dan seterusnya membolehkan ibu bapa melibatkan diri dalam perkembangan hidup anak-anak.

Kegagalan di dalam mana-mana elemen kefungsiian keluarga boleh menyebabkan sokongan dan kawalan keluarga lemah dan menjadi antara faktor penyebab tingkah laku delikueni. Menurut Nasrudin et al. (2012) apabila remaja mempunyai hubungan kekeluargaan yang goyah, mereka akan mengukuhkan hubungan dengan rakan sebaya atau pasangan masing-masing. Siti Hajar dan Yahya Don (2016) mengatakan emosi negatif yang terhasil dari sistem kekeluargaan yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan tekanan serta hubungan antara ahli dalam keluarga menjadi longgar. Seterusnya kajian Noralina dan Siti Hajar (2012) juga mendapati faktor risiko keluarga turut menjadi penyumbang kepada masalah hamil luar nikah dan pembuangan bayi. Di samping itu kajian tersebut juga menyatakan situasi keluarga seperti pendidikan dan pendapatan ibu bapa yang rendah, tinggal bersama ibu atau bapa tunggal, kurang sokongan dan pengawasan ibu bapa serta mempunyai ibu bapa yang turut berhadapan masalah moral atau seksual menjadi punca kebanyakan remaja perempuan terlibat dengan kesalahan seksual.

Telah banyak hasil kajian yang mendapati kefungsiian keluarga boleh mempengaruhi kehidupan seseorang individu itu (Testa et al. 2006). Ramai pengkaji berpendapat kefungsiian keluarga adalah tonggak pembinaan masyarakat dan sekiranya keluarga itu berfungsi dengan baik dan sejahtera, maka masyarakat yang terbina akan turut sejahtera dan harmoni (Amran et al. 2014). Disamping itu, banyak juga kajian telah mendapati sokongan dan kawalan keluarga yang longgar antara faktor yang menjadi punca tingkah laku delinkueni (Arthur 2007). Adi Fahrudin et al. (2014) juga mengatakan keluarga yang berkefungsiian akan menjamin anggota keluarga menjalankan fungsi-fungsinya sehingga dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan seluruh keluarga dan dapat mengelakkan penglibatan perlakuan delinkuen. Menurut Nasrudin et al. (2012), apabila remaja mempunyai hubungan kekeluargaan yang goyah, mereka akan mengukuhkan hubungan yang rapat dengan rakan sebaya atau pasangan masing-masing. Jelas di sini bahawa aspek kefungsiian keluarga memainkan peranan yang amat penting di dalam kawalan anak-anak.

Sejajar dengan perubahan sosial yang berlaku, keluarga telah mengalami perubahan yang drastik. Modenisasi masyarakat, sikap individualisasi serta penekanan berlebihan kepada isu kewangan menjadikan institusi keluarga semakin kritikal dan berubah sehinggakan keluarga bukan lagi menjadi satu-satunya institusi yang memberi perlindungan dan asas sosialisasi kepada anggotanya (Adi Fahrudin et al. 2014). Siti Hajar dan Yahya Don (2016) turut mengatakan institusi keluarga kini menghadapi pelbagai perubahan dan cabaran. Cabaran berkaitan fenomena-fenomena globalisasi dan isu-isu sosial menyebabkan ibu bapa kurang memberi perhatian kepada anak-anak. Demikian juga pandangan Amran et al. (2014) yang menyatakan pembangunan pesat masa kini membawa perubahan dalam corak kehidupan sesebuah keluarga. Perubahan tersebut mungkin berbentuk positif dan boleh juga berbentuk negatif. Perubahan yang negatif boleh menjejaskan keharmonian keluarga.

Dapat dirumuskan bahawa keluarga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan personaliti, arah pemikiran dan tingkah laku seseorang. Keluarga juga memainkan peranan penting bagi pembesaran yang positif seseorang anak. Rozmi (2015) mengatakan, ibu bapa yang mengambil berat kegiatan anak-anaknya tidak akan membiarkan aktiviti salah laku sosial terjadi, sebaliknya akan mengambil tahu dengan

siapa, ke mana tujuan dan apa yang dibuat oleh anak-anak bersama kawan-kawan mereka (Rozmi 2015). Sehubungan itu, pengukuhan kefungsian sesebuah keluarga dan kemahiran keibubapaan penting untuk mencapai kesejahteraan sebagaimana yang diimpikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif jenis kajian kes telah dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti elemen-elemen kefungsian keluarga yang mempengaruhi remaja perempuan dengan masalah tidak terkawal. Protokol temubual telah dirangka untuk tujuan mendapatkan maklumat mengenai suasana di dalam keluarga remaja. Bagi mendapatkan maklumat yang mendalam, terperinci dan relevan dengan kajian, pengkaji menggunakan kaedah temu bual mendalam (*in-depth interview*) dan separa berstruktur (*semi-structured interview*). Ia juga menjadi panduan kepada pengkaji agar kekal berfokus ketika proses pengumpulan maklumat dilakukan.

Sampel dalam kajian ini adalah terdiri daripada remaja perempuan tidak terkawal yang dirujuk untuk tujuan pemulihan oleh pekerja sosial di JKM kerana terlibat di dalam isu-isu tidak terkawal seperti mengandung luar nikah, lari dari rumah dan telah terlibat dengan seks bebas. Kumpulan informan dari Negeri Selangor dipilih kerana statistik menunjukkan Selangor antara negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai kadar remaja perempuan tidak terkawal yang paling tinggi (JKM 2016). Dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan, hanya remaja perempuan yang terlibat dengan masalah tidak terkawal, tinggal bersama keluarga dan berumur di antara 13 hingga 18 tahun sahaja yang dipilih. Seramai 5 orang remaja perempuan yang didaftarkan dengan JKM kerana telah terlibat di dalam isu tidak terkawal telah bersetuju untuk dilibatkan di dalam kajian ini.

Analisis data dilakukan secara manual dan semua rakaman temubual diterjemahkan secara verbatim yang dikelaskan ke dalam tema-tema tertentu dengan menggunakan kaedah *thematic analysis* berpandu saranan Braun dan Clarke (2006) bagi menghuraikan persoalan kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar belakang Informan

Informan dalam kajian ini adalah lima (5) orang remaja perempuan yang pernah dirujuk kepada pekerja sosial dan didaftarkan sebagai kes remaja tidak terkawal di JKM yang dinamakan Fiza, Dian, Wina, Reen dan Ikin (bukan nama sebenar). Lima orang informan sahaja dipilih kerana pengkaji telah berjaya mendapatkan titik ketepuan data daripada jumlah tersebut. Kesemua informan adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Tiga orang informan tinggal di kawasan bandar dan dua orang informan tinggal di kawasan luar bandar. Terdapat informan yang tinggal bersama ibu bapa kandung, ibu kandung sahaja, keluarga ibu saudara dan juga dipelihara oleh nenek semenjak bayi lagi. Jenis kediaman informan adalah rumah pangsa kos sederhana, rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan ada informan yang tinggal di rumah kampung.

Daripada kajian didapati kesemua informan mempunyai tahap pendidikan yang agak rendah, iaitu sehingga tingkatan 1, 2, 3 dan 4 sahaja. Kesemua lima orang informan remaja perempuan tidak terkawal tidak menamatkan pelajaran menengah mereka dan rata-ratanya mengatakan mereka kurang minat untuk belajar. Ini selaras dengan kajian Hasan (2004) yang menunjukkan majoriti remaja bermasalah sosial mempunyai latar belakang akademik hingga sekolah menengah sahaja.

Pendapatan seisi rumah keluarga informan remaja perempuan tidak terkawal adalah dalam lingkungan berpendapatan rendah dan sederhana dengan purata pendapatan sekitar RM 700 hingga RM 4000 sebulan. Lazimnya perbezaan taraf sosioekonomi ibu bapa boleh menyebabkan tahap pencapaian akademik anak-anak rendah. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi akan lebih faham dan sering memainkan peranan aktif dalam memantau perkembangan akademik anak mereka. Hal ini berbeza dengan ibu bapa yang kurang berpelajaran, di mana mereka dibelenggu dengan masalah dan desakan hidup bagi mencari nafkah seharian. Maka secara tidak langsung peluang dan masa ibu bapa untuk mengambil berat prestasi akademik anak-anak juga terhad. Ibu bapa yang mempunyai taraf akademik dan kelulusan yang tinggi mempunyai lebih pemahaman serta kesedaran peri pentingnya persekolahan anak-anak akan lebih bersedia untuk membantu anak mereka. Latar sosioekonomi, jenis pekerjaan, pendapatan seisi rumah dan gaya kehidupan keluarga sedikit sebanyak telah mempengaruhi corak komunikasi, cara asuhan, tahap keprihatinan dan perhatian ibu bapa terhadap anak-anak. Hal ini telah ditunjukkan melalui hasil penemuan kajian ini. Ringkasan latar belakang informan remaja perempuan tidak terkawal ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Latar belakang informan remaja perempuan tidak terkawal

Informan	Umur	Pendidikan	Tinggal Bersama	Pekerjaan ibu / bapa / penjaga	Anggaran Pendapatan (RM)
Fiza	17	Tingkatan 4	Ibu kandung	Tukang cuci	700
Dian	17	Tingkatan 3	Ibu kandung	Kerani bank	2,000
Wina	14	Tingkatan 1	Ibu dan bapa kandung	Pembantu murid / Tukang masak	4,000
Reen	14	Tingkatan 1	Ibu dan bapa saudara	Surirumah / Tukang rumah	2,000
Ikin	17	Tingkatan 2	Nenek	Tidak bekerja / Pemberian keluarga	1,000

Komunikasi Keluarga Tidak Berkesan

Komunikasi keluarga merujuk kepada perapatan, hubungan, kaedah, kekerapan dan keberkesanan komunikasi di kalangan ahli keluarga. Daripada kajian didapati tiada komunikasi yang berkesan di dalam keluarga informan remaja perempuan tidak terkawal. Remaja telah menerangkan mengenai suasana komunikasi di dalam keluarga mereka. Fiza misalnya mengatakan ibunya jarang mahu mendengar apa yang beliau perkatakan.

Ikin pula berkata, beliau pernah cuba meluahkan perasaan kepada ibunya, tetapi ia selalu berakhir dengan pertengkaran. Kajian turut mendapati masalah ibu bapa sendiri antara yang menjadi penyebab wujudnya hubungan yang tidak harmoni antara ibu bapa dan anak. Contohnya sikap ibu bapa yang panas baran, cepat melenting dan tidak terbuka menyebabkan anak-anak lebih suka menyimpan apa yang dirasa. Remaja bimbang jika mereka meluahkan perasaan, mereka akan dimarah malah ditengking mahupun diherdik.

Terdapat informan yang jarang atau langsung tidak berkomunikasi sesama ahli di dalam keluarga tersebut. Adakalanya komunikasi berlaku namun sering berakhir dengan pertengkaran dan perkelahian di kalangan ahli keluarga. Apabila wujudnya jurang komunikasi remaja lebih suka mencari kawan. Hasil kajian turut mendapati kesemua lima orang informan menyatakan yang mereka agak kurang berkomunikasi dengan ibu atau ahli keluarga yang lain serta lebih selesa berhubungan dengan rakan-rakan. Begitu juga dengan kaedah berbual, berbincang dan bercerita sesama ahli keluarga, tiada informan yang mengakui mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan ibu masing-masing. Sebaliknya kebanyakan remaja mengatakan mereka lebih suka bercerita apa sahaja dengan kawan kerana kawan lebih memahami dan bersedia untuk mendengar pada bila-bila masa sahaja. Hal ini ditunjukkan melalui kenyataan Fiza bahawa, “... *sebab dah cerita kat dia (kawan) lagi rasa seronok. Macam dia (kawan) faham*”.

Kesemua informan kajian mengakui, mereka mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan kawan-kawan berbanding dengan keluarga sendiri. Jika adapun, informan lebih rapat dengan ahli keluarga yang hampir sebaya mereka berbanding dengan ibu atau bapa. Sebagai contohnya Fiza, Wina dan Reen paling rapat dengan kakak atau abang mereka, Dian rapat dengan ibunya namun seringkali juga berlaku pertengkaran antara mereka.

Selain itu, kesibukan bekerja menyebabkan ibu bapa jarang dapat berkomunikasi dengan anak. Apabila ibu bapa penat bekerja, sukar untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan dengan anak-anak. Mereka hanya terfikir untuk berehat apabila pulang ke rumah. Hubungan anak-anak dengan ibu bapa akan renggang serta kurangnya komunikasi dalam keluarga menyebabkan remaja berani keluar rumah untuk melakukan aktiviti tidak berfaedah.

Komunikasi dua hala amat penting dalam membendung aktiviti salah laku remaja dimana ibu bapa seharusnya menjadi sahabat kepada remaja. Hal ini kerana keadaan dalaman keluarga khususnya hubungan dan komunikasi antara ibu bapa dan anak juga berperanan penting dalam menyumbang kepada perlakuan negatif anak-anak. Kajian mendapati hampir kesemua informan tidak mempunyai ibu atau bapa yang boleh mendengar, berbual mesra atau terlalu sibuk dengan urusan sendiri sehingga mengabaikan hal anak-anak. Kekurangan perhatian dan tiada komunikasi berkesan menjadi sebab anak-anak remaja mencari rakan sebaya sebagai tempat meluahkan masalah dan mendapatkan perhatian (Khadijah et. al 2012).

Medium komunikasi pula dilakukan menerusi pelbagai cara. Kesemua informan remaja mengakui mereka menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan juga *Facebook* untuk berhubungan dengan ahli keluarga. Ada juga informan yang memberitahu tidak mengetahui nombor telefon ibunya. Sememangnya diakui kemajuan dunia teknologi serta jaringan media sosial dan interaktif seperti *Facebook*, *Wechat* dan *WhatsApp* telah menukar cara keluarga berkomunikasi. Penggunaan intensif alat peranti moden seperti

telefon pintar dan komputer yang mempunyai akses kepada Internet telah membuatkan komunikasi bersemuka menjadi kurang penting (Che Su & Nan Zakiah 2014).

Peranan komunikasi dalam sesebuah keluarga telah diakui sangat penting. Pendidikan, nasihat dan perangsang disalurkan dengan cara berkomunikasi. Pendidikan yang diterima dalam sesebuah keluarga berperanan besar dalam membentuk individu untuk menjadi manusia yang berguna atau sebaliknya. Justeru, kepentingan peranan komunikasi ini jelas sebagai penyalur dan perkongsian maklumat antara ahli keluarga, pendidikan, hiburan, dan sebagai cara mendidik anak daripada kanak-kanak hinggalah menjadi dewasa (Che Su & Nan Zakiah 2014). Menurut Normazaini (2014) pula, komunikasi adalah kemahiran mendengar (*empathy*), kemahiran bercakap, berkongsi perasaan, memberi penjelasan dan kemahiran membuat keputusan. Kelemahan atau kekurangan kemahiran ini akan mewujudkan jurang di dalam komunikasi keluarga dan tidak berlaku komunikasi yang berkesan.

Kesan komunikasi keluarga yang tidak berkesan adalah anak-anak tidak mendapat pendidikan yang sempurna, tidak diajar ilmu pengetahuan tentang bagaimana menjadi seorang manusia berguna dan juga tiada langsung pendidikan seksual seperti yang sepatutnya disampaikan sendiri oleh ibu bapa. Hal ini menyebabkan remaja mendapatkan ilmu pengetahuan khususnya berkenaan seksual melalui kawan-kawan dan internet. Ini sejajar dengan kajian Siti Hajar et al. (2017) yang mengatakan kebanyakan remaja perempuan bergantung kepada ibu mereka untuk membimbing dan menasihati berkaitan tingkah laku seks dan aset reproduktif mereka. Seterusnya, Siti Hajar et al. (2017) turut mengatakan ibu bapa yang tidak atau sukar untuk berkomunikasi dengan anak mengenai perlakuan seks secara kondusif menyebabkan anak-anak mencari maklumat mengenai seks daripada orang dewasa lain, rakan sebaya atau saluran lain seperti Internet dan ia boleh menjerumuskan remaja ke dalam aktiviti seks.

Selaras dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan faktor kesibukan ibu bapa bekerja, selalu bergaduh, tempoh masa bekerja yang panjang dan kadang-kala disebabkan sikap ego ibu bapa menjadi halangan kepada komunikasi berkesan. Demikian juga dengan penemuan kajian ini. Dian misalnya ada mengatakan; *“Saya tak boleh cakap pasal tu (masalah) dengan mak. Mak saya jenis macam ni tau...kalau saya cakap dia akan menengking balik. Dia macam tak boleh terima... kenyataan apa yang kita nak cakap. Dia rasa diri dia jer betul...”*. Dapat dilihat daripada kajian, perbincangan sangat jarang berlaku di dalam keluarga informan. Daripada pengalamannya, Dian memberitahu beliau tidak pernah dapat duduk berbual atau berbincang apa-apa perkara pun dengan ibunya. Hal ini kerana ibunya tidak suka ataupun tidak pernah memberi peluang untuk meluahkan masalah atau menyuarakan apa yang dirasa. Ibu Dian dikatakan sukar untuk mendengar nasihat atau menerima pendapat orang lain dan selalu merasakan dirinya sahaja yang betul. Halangan kepada komunikasi berkesan boleh berlaku disebabkan oleh sikap salah seorang yang sukar menerima atau mendengar maklumat yang cuba disampaikan oleh pihak lagi satu.

Sebagai kesimpulan, kajian-kajian lepas telah membuktikan komunikasi yang positif dan berkesan adalah asas kepada sesebuah keluarga untuk berfungsi dengan baik (Che Hasniza & Fatimah 2011). Apabila komunikasi di antara ibu bapa, anak-anak dan sesama ahli keluarga berlangsung dengan baik, hubungan keluarga semakin rapat, wujud ikatan kasih sayang dan seterusnya memudahkan penyelesaian kepada sebarang masalah yang

timbul. Komunikasi keluarga yang positif memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan emosi, sosial, dan mental anak-anak. Komunikasi berkesan juga dilihat bukan sahaja memberi kesan positif kepada anggota keluarga, namun turut menguatkan emosi dan keupayaan anak-anak untuk berhadapan dengan masalah mereka. Interaksi dan komunikasi didapati menjadi satu keperluan yang sangat kritikal di dalam keluarga remaja. Sehubungan itu, ibu bapa boleh memperuntukkan masa yang khusus untuk membincangkan masalah keluarga dalam suasana yang tenang dan selesa dan sekiranya hal ini menjadi amalan akan dapat mengelakkan tingkah laku tidak terkawal di kalangan anak-anak remaja.

Kekurangan Penghargaan dan Kasih Sayang

Hasil kajian telah menunjukkan banyak maklumat mengenai ikatan perasaan, rasa rindu, sedih, marah dan dahagakan perhatian yang telah dapat dikumpul daripada informan. Hampir kesemua informan meluahkan tentang perasaan rindu, kasih dan sayang mereka terhadap ibu bapa dan orang-orang yang mereka sayang. Contohnya adalah seperti ibu bapa Fiza yang tidak bercerai tetapi tidak lagi tinggal bersama. Fiza menyatakan beliau tidak rapat dengan bapa kerana bapanya sering keluar masuk penjara disebabkan masalah salah guna dadah. Ikin dan Dian tidak mempunyai bapa kerana mereka adalah anak luar nikah. Reen juga tidak rapat dengan bapa kerana bapanya meninggal dunia semasa beliau masih kecil. Ibu kandung pula meninggalkan rumah selepas bapa Reen meninggal dunia. Sepertimana Fiza, Reen merasakan punca beliau terlibat masalah sosial adalah kerana kurang kasih sayang daripada ibu dan ayah. Hal ini dapat dilihat menerusi pernyataan Reen, "*Rasa terlibat... masalah sosial ni kerana kurang kasih sayang daripada mak dan ayah*".

Dian menyatakan hatinya sangat teringin untuk bermanja dan berkasih sayang dengan ibunya tetapi ibunya kurang memberi perhatian dan menunjukkan sikap yang berubah-ubah. Kenyataan daripada Dian menunjukkan bahawa ibunya selalu mementingkan teman lelaki sehingga mengabaikan dirinya. "*Saya tak tau apa niat mak saya. Apa masalah dia. Dia selalu pentingkan boyfriend dia daripada saya*". Dian turut menambah dengan rasa sedih bahawa beliau tidak faham kenapa ibunya suka melepaskan tanggungjawab kepada rakannya untuk mengambil berat tentang Dian semasa di pusat pemulihan. Reen pula memberitahu, sebelum ibu saudaranya mempunyai anak kandung, ibu saudaranya itu memberikan sepenuh kasih sayang kepada Reen tetapi setelah mempunyai anak kandung, kasih sayang itu terasa berkurangan. Ikin pula menyatakan yang dia sangat berhasrat mencari bapa kandung kerana ibunya melahirkannya tanpa bapa yang sah. Sebagaimana informan lain, Ikin turut mengeluh bahawa beliau rasa sangat kurang kasih sayang dicurahkan oleh ibu kandungnya.

Apabila tiada sentuhan dan kasih sayang, malahan ada pula pihak lain yang boleh memberikannya maka akan berlaku tingkah laku tidak terkawal di kalangan remaja. Bagi seorang remaja perempuan, sekiranya teman lelaki boleh memberikan sentuhan dan perhatian, ia membuatkan remaja perempuan merasa senang dan gembira. Hasil kajian menunjukkan remaja merasa selesa dan disayangi oleh teman lelaki kerana kasih sayang tersebut tidak mereka perolehi daripada ibu bapa mereka sendiri. Siti Hajar et al. (2017) menjelaskan remaja suka bila ada yang mengambil berat tentang diri mereka, bertanya khabar dan memanggil mereka dengan panggilan-panggilan mesra dan manja.

Sebaliknya, hubungan yang rapat antara ibu dan anak perempuan mampu untuk melindungi remaja ini daripada risiko tingkah laku tidak bermoral (Siti Hajar et al. 2017). Apabila berlaku perceraian di dalam keluarga, kasih sayang boleh menjadi satu masalah lebih-lebih lagi jika berlaku konflik perkahwinan seperti nafkah, perebutan hak penjagaan anak-anak dan permusuhan antara pasangan suami isteri. Ini meletakkan anak-anak sebagai mangsa keadaan. Hasil dapatan kajian Sh Marzety Adibah dan Zakaria (2014), menunjukkan remaja yang datang daripada ikatan keluarga yang rapuh lebih mudah terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Sh Marzety Adibah dan Zakaria (2014) yang mendapati punca utama informan kajian terlibat dengan delinkuensi adalah kerana inginkan cinta dan kasih sayang daripada *significant others* mereka terutamanya ibu bapa dan ahli keluarga. Jika cinta dan kasih sayang tidak diperolehi, remaja akan mendapatkannya daripada orang lain yang sanggup memberikannya. Remaja akan rosak atau musnah sekiranya bertemu dengan orang yang tidak bermoral atau bertanggungjawab. Begitu juga dengan dapatan kajian Tengku Elmi Azlina et al. (2015) yang mengatakan keluarga perlu meletakkan keutamaan terhadap keperluan memberi kasih sayang kepada anak-anak kerana runtuhnya akhlak anak-anak adalah kerana runtuhnya institusi keluarga.

Dapat diperhatikan juga di dalam kajian ini bahawa ada kalanya remaja terasa kesunyian malah tiada tempat untuk mereka bergantung harapan, berkongsi atau meluahkan perasaan. Akibat kelemahan di dalam kefungsi keluarga masing-masing, kebanyakan informan kurang mendapat perhatian dan belaian oleh ibu bapa atau keluarga mereka. Daripada kenyataan Ikin ini, telah menunjukkan bahawa beliau sering merasa sedih dan tiada tempat untuk mengadu apabila diperlukan;

“... daripada surat beranak, kan tak ada maklumat bapa semua kalau kat sekolah, tangga kat belakang tu jadi mangsa lah. Tempat saya meluahkan perasaan. Nangis semua. Sampai lah lama-lama tu dah lali. Masa empat tahun tu... nangis-nangis-nangis... sampai saya rasa dah lah... penat lah nangis (diejek anak luar nikah oleh kawan-kawan sekolah)”.

(Ikin)

Hasil kajian menunjukkan adalah sukar untuk remaja berkongsi tekanan yang mereka hadapi dengan ahli keluarga apabila sistem keluarganya sendiri tidak berfungsi dengan baik. Menurut Asmawati et.al (2015) anak-anak menjadi terabai kerana kekurangan sokongan dan interaksi dalam keluarga terutamanya dengan ibu. Lazimnya bagi remaja yang bertingkah laku tidak terkawal, ketika mereka menghadapi tekanan, apa yang diperlukan oleh mereka ialah interaksi yang baik dengan ibu bapa dan ahli keluarga. Hal ini kerana interaksi yang baik mampu memberikan sokongan emosi dan seterusnya dapat menghindarkan remaja daripada terus melakukan perbuatan tidak terkawal (Siti Hajar & Yahya Don 2016).

Sekiranya keadaan tertekan itu dihadapi oleh remaja secara berterusan tidak mustahil remaja akan berdaya tindak yang menjurus ke arah negatif seperti menghisap dadah, minum arak, lari dari rumah dan sebagainya. Sejajar dengan penemuan Noran et al. (2009), remaja yang tidak mempunyai daya tahan cenderung untuk berfikir dan bertingkah laku dengan cara yang salah. Hasil penelitian Noran et al. (2009) juga mendapati remaja yang membunuh diri lazimnya tidak menunjukkan ciri-ciri mereka

mempunyai masalah. Namun begitu, maklumat akhir yang biasanya ditinggalkan oleh remaja yang membunuh diri adalah diri mereka tidak difahami, rasa terasing, rasa tidak berteman dan juga merasa tidak dipedulikan oleh keluarga. Curahan kasih sayang, perhatian dan penghargaan merupakan satu bentuk sokongan sosial yang amat diperlukan oleh setiap individu. Hal ini kerana sokongan sosial telah dikenalpasti sebagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan mental untuk mengelakkan kesunyian dan kemurungan. Kurangnya sokongan sosial diantara ahli keluarga akan mendedahkan individu kepada kemurungan (Rohany et al. 2016).

Hasil daripada kajian terdahulu menunjukkan ibu bapa perlu memberikan penghargaan kepada sebarang perkembangan serta pencapaian yang positif dan ia mampu menghalang aktiviti tidak terkawal anak-anak (Seita et al. 1995). Lazimnya ibu bapa sering dikaitkan sebagai penentu kejayaan anak-anak. Ibu bapalah yang bertanggungjawab memberi motivasi kepada anak-anak supaya berjaya di dalam pelajaran, tidak mengabaikan nilai-nilai murni serta adab dan budaya. Ibu bapalah juga yang memainkan peranan yang paling penting dalam menentukan pola-pola tingkah laku anak-anak semenjak lahir sehingga mereka matang. Proses penerapan ilmu dan didikan tersebut adalah meliputi dorongan, nasihat, galakan, disiplin, hubungan mesra antara antara ibu bapa dan anak serta seluruh ahli keluarga yang lain. Fauziah et al. (2014) menekankan bahawa keluarga harus memberi asuhan yang sempurna supaya anak-anak dapat menentukan perkara baik atau buruk untuk hidup mereka.

Dapat dirumuskan daripada kajian ini, informan merasa diri mereka adalah mangsa daripada ketidakharmonian keluarga yang menyebabkan remaja merasa tidak bahagia. Informan remaja tidak terkawal menyatakan mereka bertindak lari dari rumah dan terlibat dengan tingkah laku tidak terkawal akibat daripada pergaduhan, ketidakselesaan berada di rumah, rasa sunyi, bosan ataupun dimarahi oleh ibu atau ahli keluarga. Dapat diperhatikan keluarga memberi impak yang cukup besar kepada tindakan dan kehidupan seseorang. Suasana di dalam rumah yang kucar-kacir menyebabkan remaja tidak terkawal mencari kebahagiaan di luar terutama sekali bagi tujuan mencari perhatian dan mendapatkan kasih sayang. Kesimpulan ini selaras dengan hasil kajian Wan Norasiah (2003) yang mendapati pengabaian dari sudut kasih sayang dan kurangnya komunikasi yang berkesan antara remaja dan ibu bapa adalah punca utama gejala sosial.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini telah memperlihatkan elemen-elemen ketidakfungsian berlaku di dalam keluarga informan remaja perempuan tidak terkawal. Hasil analisis kajian mendapati tiada komunikasi yang berkesan di dalam keluarga serta kurangnya penghargaan dan kasih sayang yang dicurahkan oleh ibu bapa dan keluarga terhadap remaja perempuan tidak terkawal. Kesimpulan ini boleh menjadi panduan kepada pekerja sosial untuk merancang program intervensi pemulihan kepada remaja tidak terkawal. Seterusnya, dapatan kajian ini turut berguna kepada penggubal modul intervensi, kaunselor, ahli akademik dan para pengkaji kerana dapat dijadikan rujukan di masa hadapan khususnya bagi menambahkan keilmuan tentang isu delinkuensi di kalangan remaja perempuan. Hasil dapatan juga dapat menambahkan maklumat dan ilmu keibubapaan sekaligus membuka ruang minda ibu bapa agar lebih berhati-hati dan kreatif memilih pendekatan terbaik dalam mendidik anak-anak remaja hari ini. Penguatkuasaan akta dan undang-

undang juga adalah bertujuan memastikan semua kanak-kanak dan remaja dapat membesar di dalam persekitaran yang bahagia, penuh dengan kasih sayang serta bermanfaat dari segi penjagaan kesihatan, pendidikan dan perlindungan. Pengkaji berpendapat program pemulihan yang paling berkesan adalah intervensi berasaskan keluarga, pemerksaan remaja dan keluarga disamping pemantapan nilai-nilai murni, moral dan kerohanian. Justeru, dapat diperhatikan bahawa keluarga menjadi penumpuan utama sebagai unit asas peradaban manusia dan fokus intervensi oleh pekerja sosial. Peranan pekerja sosial adalah signifikan dalam usaha membantu pemulihan remaja perempuan tidak terkawal agar mereka dapat berubah ke arah yang positif serta berupaya mendepani dilema dan cabaran mereka sehingga dapat hidup dengan lebih sejahtera.

RUJUKAN

- Adi Fahrudin, Husmiati Yusuf & Mohd Dahlan Hj A. Malek. (2014). Kefungsian Keluarga: Konsep dan Indikator Pengukuran Dalam Penyelidikan. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. 11 Disember 2014. ISBN: 978-967-0582-32-0. Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoooff & Khadijah Alavi (2014). Pengaruh Faktor Kesepaduan (Kefungsian Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak. *3:1 (2014) 99–105*. www.sainshumanika.utm.my
- Azlina Mohd Kosnin & Suzila Mustapha. (2010). Kaitan antara faktor-faktor kekeluargaan dengan tingkah laku delikueni pelajar. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusoooff. (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari 3 (2) (2011) 45 – 62*. www.ukm.my/jhadhari. UKM
- Che Su binti Mustaffa, Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*. Jilid 30(Special Issue) 2014: 43-74
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarnon & Nor Jana Saim. (2014). Pengguna Dadah Wanita di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan. *Jurnal Teknologi*.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon @ Kusenin, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera dalam *Journal of Social Sciences and Humanities, vol. 7 (1)*, April 2012.
- Freud, S.F. (1953). Circle of friends: The role of gender and networks in delinquent group friendships, & romantic experiences in adolescence. *Journal of Adolescent Research, 23, 4, 471-487*.

- Hasan Bahrom (2004). Remaja, Kemiskinan Dan Juvana Suatu Realiti? Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (Sivic ", Hotel City Bayview Langkawi, Kedah. 4 – 6 September 2004 Anjuran: Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2016). *Laporan Statistik*. Kuala Lumpur: JKMM.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *UKM. Volume 7, Number 1, 131-140*, April Special- 2012. ISSN: 1823-884x
- KPWKM. 2016. Akta kanak-kanak 2001 (pindaan) 2016
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim & Mohd Suhaimi Mohamad. (2012). Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta Dan Nafsu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1):015-025.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim & Mohd Suhaimi Mohamad. (2012). Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta Dan Nafsu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1):015-025.
- Noralina Omar & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2012). Pendedahan Kehamilan Luar Nikah : Input Baru bagi Program Pencegahan Pembuangan Bayi. *International Social Work Conference 2012 – Crafting Symbiotic Partnership and Collaboration in the Asia-Pacific Region*. Perpustakaan Negara Malaysia Cataloging-in-Publication Data. Hotel Bayview Georgetown, Penang. ISBN 978-967-394-119-3
- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron & Ahmad Jazimin Jusoh. (2009). Manual Guru: Pencegahan Buli di Sekolah. Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur
- Normazaini Saleh. (2014). Hubungan Kefungsian Keluarga dan Leader-Member Exchange dengan Konflik Kerja-Keluarga: Peranan Tanggapan Sokongan Sosial Sebagai Pengantara. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Graduate School of Business. Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Norulhuda Sarnon, Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R. & Wan Azreena. (2012). Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi Keluarga. *UKM. Vol 7, 1,121-130*
- Olson, D. H., McCubbin, H. I., Barnes, H., Larsen, A., Muxen, M., & Wilson, M. (1992). Family Inventories: Inventories Used in A National Survey of Families Across the Family Life Cycle. St. Paul, MN: University of Minnesota.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd. Norahim Moh. Sani & Aizan Sofia Amin. (2016). Hubungan Antara Kesunyian dan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan dalam Kalangan

Wanita Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (1) (2016): 152-159
ISSN-2289-8174 152

Rozmi Ismail. (2015). Rempit di Malaysia : Isu dan Cabaran. Selangor. Perpustakaan Negara Malaysia.

Sapora Sipon. (2007). Perluaskan Peranan Kaunselor. Berita Harian. 6 Februari 2007.

Sh Marzety Adibah Al Sayed Mohamad & Zakaria Mohamad. (2014). The Use of Expressive Arts Therapy in Understanding Psychological Issues of Juvenile Delinquency. (April 07, 2014). *Asian Social Science*, 10, 9.

Siegel, L.J., & Welsh, B.C. (2015). Juvenile Delinquency; Theory, Practice And Law. 12th edition. USA. Cengage Learning.

Sims, B., & Preston, P. (2006). Handbook of Juvenile Justice: Theory And Practice. Boca Raton, FL: CRC/Taylor & Francis.

Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar Siti Balqis Mohd Azam & Zaiton Azman. (2017). Program Pencegahan Berasas Keibubapaan Untuk Bertindakbalas dengan Masalah Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1): 1-28 1

Siti Hajar Mohamad Yusoff & Yahya Don. (2016). Kefungsian Keluarga dan Ketahanan Diri Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. *Proceedings of ICECRS,1(2016)*. 131-138. ISSN-2548-6160. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 Oktober 2016. Universiti Utara Malaysia

Siti Noor Fazariah Bt Suis @ Mohd Rusdy & Zulkarnaen Ahmad Hatta. (2014). Tret Personaliti dalam Pembentukan Tingkahlaku Kanak-Kanak Delinkuen di Negeri Sabah. www.ums.edu.my/conferences/skik2014. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. ISBN: 978-967-0582-32-0.

Tengku Elmi Azlina, Nor ‘Adha binti Abdul Hamid, Azizah bint Mat Rashid, Norul Huda Binti Bakar, Norashikin binti Azmi. (2015). Kesalahan Akhlak Dan Perkaitannya Dengan Faktor Kematangan, Kerohanian Dan Kesedaran Kendiri Individu. *World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015)* Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9th – 10th December 2015

Testa, J. A., Malec, J. F., Moessner, A. M., & Brown, A. W. (2006). Predicting Family Functioning After TBI: Impact of Neurobehavioral Factors. *Journal of Head Trauma Rehabilitation*, 21, 236-247.

Wan Norasiah Wan Ismail. (2003). Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong. *Disertasi Master Usuluddin*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.h. 97.

Wood, J., Chapin, K., & Hannah, M. E. (1988). Family Environment And Its Relationship To Underachievement. *Adolescence*, 23(90), 283-290.